



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

MAFI MENGALU-ALUKAN PEMBANGUNAN BENIH PADI BAHARU IS21 OLEH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA, MOSTI

SEKINCHAN, 20 NOVEMBER – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengalu-alukan usaha Agensi Nuklear Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) yang telah membangunkan benih padi baharu IS21 yang dihasilkan daripada kajian biak baka mutasi. Benih padi IS21 ini adalah benih dari induk MR219 dan telah didaftarkan di Bahagian Perlindungan Varieti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia sebagai varieti NMR152 serta telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Teknikal Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras, MAFI pada 29 Januari 2021 sebagai padi sah negara membolehkan varieti ini digunakan oleh pesawah dalam Program Insentif Benih Padi Sah.

Sehingga kini, terdapat 57 varieti benih padi telah diisytihar oleh Kerajaan sejak tahun 1964. Daripada jumlah tersebut, 52 varieti telah dibangunkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI); dua (2) varieti dari Universiti kebangsaan Malaysia (UKM); dua (2) varieti dari Universiti Putra Malaysia (UPM); dan satu (1) daripada Agensi Nuklear Malaysia. Varieti benih padi ini terdiri daripada padi biasa atau inbred, padi wangi, padi warna, padi rintang racun herba dan padi aerobik.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata pembangunan varieti padi secara berterusan di negara ini adalah amat diperlukan bagi memastikan rantaian nilai bagi industri padi dan beras negara tidak terganggu.

“Ini juga dalam menghadapi pelbagai isu dan cabaran seperti serangan penyakit pokok atau serangga makhluk perosak, bencana alam seperti kemarau dan banjir, dan sebagainya. Tanpa varieti padi yang rintang penyakit dan berdaya tahan, maka ianya akan menjejaskan pengeluaran beras dan sekuriti bekalan makanan negara,” kata Dr Ronald.

Tambah beliau lagi, MAFI melalui MARDI sentiasa proaktif melaksanakan pembangunan varieti benih padi baharu menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian secara berterusan sekaligus akan memastikan kelestarian pengeluaran varieti padi baharu dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti hasil pertanian.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Padi di Sekinchan, Selangor yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob.

MAFI sentiasa mengalu-alukan serta menggalakkan mana-mana jabatan, agensi serta Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk bekerjasama rapat dalam pembangunan varieti benih padi baharu dengan mengambil kira perubahan persekitaran bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi.

Menurut Dr Ronald, MAFI sentiasa komited untuk meningkatkan pengeluaran beras negara melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) varieti benih padi baharu bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras sebanyak 75% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) dan sebanyak 80% dalam tempoh Dasar Agromakanan Negara 2.0, 2021-2030.

Pada masa kini varieti benih padi yang mendapat sambutan baik oleh pesawah ialah varieti padi MARDI, MR 297 yang telah diisytihar pada tahun 2016, di mana dianggarkan sebanyak 43.2% pesawah di Semenanjung Malaysia menggunakan varieti ini. Selain itu, varieti benih padi yang mendapat permintaan pesawah ialah MR 220 CL-2 (diisytihar pada tahun 2010), MR 269 (diisytihar pada tahun 2012) serta MR 303 dan MR 307 yang masing-masing diisytihar pada tahun 2018. Potensi hasil bagi kesemua varieti padi biasa ini ialah sekitar 6 hingga 9 tan sehektar dan hasil ini bergantung kepada lokaliti dan pakej pengurusan yang digunakan oleh pesawah.

Pada tahun ini, 2 varieti baharu juga telah diisytiharkan oleh MARDI iaitu MR 315 dan MRQ 104 yang masing-masing diberi nama sebagai Seri Waja dan Kembang Sari. MR 315 adalah varieti padi biasa/beras putih biasa dengan potensi hasil di antara 7-9 tan sehektar dan sesuai di tanam di seluruh jelapang dan luar jelapang. Manakala, MRQ 104 adalah varieti padi wangi/beras wangi yang dihasilkan untuk memenuhi keperluan penghasilan beras wangi tempatan yang pada masa ini menggunakan varieti padi wangi MRQ 76. Ini adalah sebagai pilihan tambahan kepada petani dan pengilang memandangkan beras istimewa ini mempunyai permintaan tempatan yang tinggi dan dapat meningkatkan pendapatan petani.

MARDI turut berkerjasama dengan syarikat panel pengeluar benih sah bagi menjamin kesediaaan benih untuk petani dan beberapa syarikat turut memohon untuk menjadi pengeluar benih daftar dan sah bagi padi wangi Kembang Sari dan varieti padi wangi MRQ 103 yang bakal dilancarkan pada tahun 2022.

R&D juga sedang dilaksanakan memfokuskan kepada pembangunan varieti bersesuaian dengan masalah setempat seperti air masin, kawasan kurang air (tadahan hujan), kemarau dan kawasan *hotspot* penyakit dan perosak. Varieti-varieti ini akan diperkenalkan dalam tempoh RMKe-12.

Kerajaan sentiasa memberi penekanan khusus bagi meningkatkan perbelanjaan dan pelaburan awam untuk tujuan R&D bagi memastikan kelestarian pengeluaran varieti padi baharu dalam usaha meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti hasil pertanian pada masa hadapan.

#####

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
20 NOVEMBER 2021